



UNIVERSITI MAIN PERANAN: Encik Ong, yang berucap semasa majlis penutup Sidang Mahasiswa Asia, berkata universiti boleh memainkan peranan penting dalam mengubah sesebuah bandar. – Foto THE STRAITS TIMES

Ye Kung: Universiti mampu jadi pemacu perubahan negara

UNIVERSITI boleh memainkan peranan penting merombak sesebuah bandar kerana institusi sedemikian bantu mengubah ilmu menjadi idea, perniagaan dan pekerjaan baru, kata Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran) Ong Ye Kung, semalam.

“Universiti boleh menjadi generatif dan regeneratif bagi ekonomi dan masyarakat dan membantu kita kekal berdaya tahan, meskipun di tengah-tengah perubahan yang kita lihat sekarang,” katanya.

Encik Ong berkata demikian dalam majlis penutup Sidang Mahasiswa Asia di Auditorium UTown Universiti Nasional Singapura (NUS).

Beliau menukil contoh Bordeaux, yang sebelum ini merupakan kompleks perindustrian yang tercemar.

Namun, kawasan itu kini pusat inovasi dan perusahaan di Perancis, ekoran tapak-

nya yang berdekatan Universiti Bordeaux serta sekolah kejuruteraan khusus dan perniagaan, katanya.

Pittsburgh juga mengalami masalah kehilangan pekerjaan yang besar dan kawasan bandar yang semakin mereput selepas industri keluli Amerika Syarikat dikurangkan pada 1980-an, tambahnya.

Memberikan respons terhadap isu ini, universitinya, terutama Universiti Carnegie Mellon, memperkenalkan kursus seperti bioteknologi, teknologi maklumat dan tenaga bersih untuk meneroka sektor berteknologi tinggi.

Sejak itu, bandar tersebut telah menarik syarikat gergasi teknologi seperti Google, Uber dan Facebook.

“Dalam beberapa tahun, universiti Singapura juga telah memberi penekanan tambahan bagi memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar,” kata Encik Ong.

Ini jelas dengan adanya Kolej Luar Negara NUS, Program Keusahawanan Luar Negara Universiti Teknologi Nanyang (NTU), dan Program Penyerapan Perusahaan Institut Teknologi Singapura (SIT).

Sidang Mahasiswa Asia, daya usaha yang diketuai pelajar Program Pemegang Biasiswa Universiti NUS, melibatkan sekitar 200 peserta setempat dan luar negara.

Usaha tersebut disokong pertubuhan dermawan seperti Temasek Foundation Connects, yang ditubuhkan Temasek Holdings.

Sidang itu meninjau bagaimana perubahan gangguan menimbulkan kesan terhadap pihak berkepentingan dalam masyarakat lalu mencadangkan idea berkaitan topik tersebut.

Ini termasuk aplikasi meletak kereta yang membolehkan pengguna menempah tempat letak kereta awal dan pembinaan robot yang memenuhi segala keperluan harian warga tua.